

# Perkasa daya tahan iklim negara menerusi strategi wakaf hijau



Oleh Dr Mohd Zaidi Md Zabri  
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan di Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya dan Setiausaha Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa (ICIFE)

Pada bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan pelan Ekonomi MADANI sebagai wadah untuk mengangkat semula darjat dan martabat Malaysia menerusi penstrukturan semula ekonomi ke arah negara peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara.

Ekonomi MADANI mempunyai dua pendekatan serampang dua mata, iaitu 'menaikkan siling' sebagai peneraju ekonomi Asia dan 'menaikkan lantai' untuk mempertingkatkan usaha menaikkan darjat hidup rakyat. Asasnya, Ekonomi MADANI menekankan keperluan merombak struktur ekonomi negara menerusi tujuh bidang tumpuan.

Daripada tujuh bidang tumpuan digariskan, terdapat dua bidang tumpuan mempunyai potensi untuk digembleng secara serentak, iaitu 'Peneraju Ekonomi Islam Global' dan 'Pertumbuhan Hijau Demi Ketahanan Iklim.'

Justeru, pemegang taruh dan pemain industri kewangan Islam disaran menggiatkan usaha menjayakan agenda ketahanan dengan menyelaras prinsip kewangan Islam dengan pelaburan mampan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Bukan itu sahaja, sinergi di antara kewangan

Islam dan inisiatif ketahanan iklim negara juga selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa 1, turut dilancarkan akhir Julai lalu.

Oleh itu, adalah penting bagi setiap orang, termasuk penggiat industri kewangan Islam memainkan peranan mereka ke arah memastikan kelestarian alam sekitar.

Justeru, industri kewangan Islam harus mengandakan daya usaha untuk merealisasikan potensi instrumen kewangan sosial Islam bagi menjayakan agenda ketahanan iklim negara.

Antara instrumen kewangan sosial Islam berpotensi menjayakan agenda ketahanan iklim negara ialah wakaf. Secara khususnya, dalam konteks ketahanan iklim, instrumen kewangan Islam boleh digembleng dan dimanfaatkan ialah wakaf hijau.

Ketika ini, sudah wujud wakaf hijau seperti wakaf hutan, air dan tenaga suria. Bahkan mewakafkan sumber alam untuk manfaat bersama bukan perkara baharu dalam tradisi Islam.

## Teladan Telaga Rummah

Sejak zaman Rasulullah SAW, Baginda mewakafkan tanah untuk pembinaan masjid dan tujuh kebun kurma di Madinah. Selain itu, antara teladan wakaf terawal dalam sejarah Islam dan kekal sehingga kini atau mungkin sampai bila-bila ialah 'Telaga Rummah' diwakafkan Saidina Othman Affan RA untuk penduduk Madinah mendapatkan bekalan

air bersih. Telaga ini asalnya adalah milik seorang Yahudi dibeli oleh Saidina Othman Affan RA dan diwakafkan.

Dalam konteks dunia moden, wakaf hijau turut diamalkan banyak negara seperti Turkiye mewujudkan wakaf hutan, 'Evkaf Forest' meliputi kawasan lebih 107,000 hektar, ini hampir menyamai keseluruhan 11 jajahan di Kelantan.

Contoh kontemporari bagi wakaf hijau di negara ini ialah wakaf air diwujudkan dan dikelola secara kerjasama pintar Yayasan Waqaf Malaysia dan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Inisiatif wakaf air ini dilancarkan bagi mengumpul dana wakaf untuk membiayai projek perkhidmatan air seperti mengepam sumber air dari perigi, penyelenggaraan dan pembelian alat ganti serta dana bantuan operasi pencegahan, termasuk pemulihan sistem bekalan air luar bandar.

Menerusi pemerksaan wakaf hijau, kerajaan atau organisasi tempatan boleh mengumpul dana membina sistem pengurusan air, menaik taraf rangkaian saliran dan membina bangunan tahan banjir di kawasan terdedah bencana alam.

Projek ini akan meningkatkan keupayaan rantau ini bertahan dan pulih daripada banjir serta meningkatkan daya tahan iklim negara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH